

15 MAR 2001

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE PAHANG

LIPIS, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi sehari ke Pahang.

Ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali di padang Majlis Daerah Lipis disambut Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan.

Beliau kemudian beredar ke bangunan Umno Lipis untuk mengadakan pertemuan tertutup dengan kira-kira 500 anggota jawatankuasa Umno dari Bahagian Lipis dan Raub.

Selepas perjumpaan itu, Dr Mahathir dijadual menghadiri jamuan tengah hari bersama kira-kira 1,500 jemputan di Dewan Majlis Daerah Lipis.

Beliau kemudian akan berlepas ke Kuantan untuk mengadakan pertemuan tertutup dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Paya Besar dan Kuantan di Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota.

Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis minum petang bersama rakyat di pekarangan Wisma Belia dan pada sebelah malamnya menghadiri jamuan makan bersama pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Hyatt Regency, Kuantan.

-- BERNAMA

ROS ZY AKD